

Bekas Naib Canselor UPM meninggal barah usus

Serdang: Bekas Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi (**gambar**) meninggal dunia di Hospital Serdang, awal pagi semalam.

Beliau menghembuskan nafas terakhir pada jam 4.15 pagi pada usia 53 tahun selepas tiga tahun bergelut dengan barah usus besar dan kegagalan fungsi hati.

Radin Umar yang dilahirkan pada 13 November 1960 meninggalkan seorang bahu, tiga anak lelaki dan dua anak perempuan.

Isterinya, Datin Norsham Ahmad, 51, berkata suaminya sebelum ini pernah menjalani pembedahan dan rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Selayang dan terakhir di Hospital Serdang.

“Sejak 2010, suami saya bergelut dengan barah usus dan kemudian mengalami kegagalan fungsi hati,” katanya ketika ditemui di Tanah Perkuburan UPM, di sini semalam.



Beliau yang berasal dari Chemor, Perak, berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya, Birmingham University, United Kingdom.

Pada 2005, beliau menerima anugerah The Prince Michael International Road Safety Award yang mengiktiraf sumbangan dan inovasi dalam kemajuan jalan raya.

Radin Umar dilantik sebagai Naib Canselor UPM pada 1 Januari 2011 sebelum melepaskan jawatan itu pada 31 Disember 2012 atas faktor kesihatan.